

SULIT

LAMPIRAN D

TERMA RUJUKAN PEMBANGUNAN MODEL BAHARU PROGRAM PEMANTAUAN HARGA DAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA BAGI PROGRAM PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN *COMMUNITY DRUMMING*



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

**TERMA RUJUKAN
PEMBANGUNAN MODEL BAHARU PROGRAM PEMANTAUAN
HARGA DAN KEPERLUAN SUMBER MANUSIA BAGI PROGRAM
PENGEDARAN BARANG PERLU, LPG DAN
*COMMUNITY DRUMMING***

SULIT

A. LATAR BELAKANG KAJIAN

1. Sejarah Dan Maklumat Asas Program

1.1 **Program Pemantauan Harga** dilaksanakan di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sejak tahun 2008 untuk mewujudkan satu mekanisme pemantauan harga dan pangkalan data. Program bertujuan membantu menangani isu-isu kenaikan harga barangan keperluan pengguna supaya harga barangan adalah stabil di pasaran. Program Pemantauan Harga dilaksanakan dengan lantikan Pegawai Pemantau Harga (PPH) secara *contract for service* (CFS). Objektif utama hasil pelaksanaan Program adalah seperti berikut:

- a. Merangka polisi dan strategi berkaitan harga terutama Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP);
- b. Menguatkuasakan antipencatutan lebih bersasar; dan
- c. Mendayaupaya pengguna.

1.2 **Program Pengedaran Barang Perlu, Gas Petroleum Cecair (LPG) dan *Community Drumming*** mula dilaksanakan bermula tahun 2009. Program dilaksanakan dengan bantuan perkhidmatan PPH disebabkan perjawatan tetap yang sedia ada sama ada di Ibu Pejabat dan Negeri tidak mencukupi bagi melaksanakan program tersebut.

1.3 Program Pemantauan Harga dan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* dilaksanakan setiap tahun.

Oleh yang demikian, permohonan pelanjutan perkhidmatan PPH dikemukakan pada setiap dua (2) atau tiga (3) tahun untuk kelulusan Jemaah Menteri.

- 1.4 Pada tahun 2021, Agensi Pusat (MOF dan JPA) berpandangan pelantikan PPH secara CFS adalah tidak sesuai disebabkan kesinambungan kedua-dua program dalam jangka masa panjang dan penggunaan sumber perlu dioptimumkan bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada pelaburan Kerajaan. Agensi Pusat berpandangan proses-proses kerja perlu dinilai selaras dengan perkembangan teknologi digital dan polisi Kerajaan.
- 1.5 Susulan itu, pada 29 Oktober 2021, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan permohonan cadangan meneruskan Program Pemantauan Harga dengan pelanjutan perkhidmatan PPH bagi tahun 2022 hingga 2024 dan meminta Kementerian untuk melaksanakan Kajian Keberkesanan Program Pemantauan Harga.

2. Tajuk Kajian

- 2.1 Tajuk Kajian adalah “**Pembangunan Model Baharu Program Pemantauan Harga dan Keperluan Sumber Manusia Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*”**”.

3. Objektif Kajian

- 3.1 Membangunkan model baharu bagi pelaksanaan Program Pemantauan Harga dan menyediakan Pelan Tindakan pelaksanaan model tersebut.
- 3.2 Menentukan keperluan sumber manusia bagi pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* berdasarkan fungsi dan proses kerja program tersebut.

4. Lokasi Kajian

- 4.1 Melibatkan semua negeri di Malaysia.
- 4.2 Lawatan ke satu negara di Asia Tenggara (contohnya Indonesia/Brunei) atau *desktop* kajian bagi tujuan penandaarasan tertakluk kepada kos yang diperuntukkan.

5. Kos Siling Kajian

- 5.1 Kos siling kajian yang telah diluluskan menggunakan peruntukan pembangunan di bawah RMKe-12 RP3.
- 5.2 Perincian pengiraan kos kajian adalah seperti di perkara C-19.

6. Justifikasi Kajian

- 6.1 Penambahbaikan Program Pemantauan Harga yang lebih cekap dan berkesan bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada pelaburan Kerajaan.
- 6.2 Kebergantungan yang tinggi kepada Perkhidmatan PPH bagi pelaksanaan Program Pemantauan Harga dan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* memberi implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Kaedah perolehan PPH melalui pembelian perkhidmatan PPH juga kurang sesuai dan tidak mampan bagi jangka masa panjang.
- 6.3 Keperluan mengkaji mekanisme pelaksanaan selaras dengan perkembangan teknologi pendigitalan dan polisi kerajaan.
- 6.4 Memastikan hasil Program Pemantauan Harga memenuhi keperluan semasa dan ekspektasi *stakeholder*.

7. Justifikasi Keperluan Perkhidmatan Perunding

- 7.1 Pelaksanaan kajian memerlukan komitmen dan pasukan kajian yang tinggi dengan kepakaran pelbagai bagi memastikan penghasilan kajian yang berkualiti. Perkara ini adalah sukar dengan kakitangan/pegawai yang terlibat sepenuh masa dengan kerja hakiki selain kurang kepakaran dalam bidang yang diperlukan.

- 7.2 Skop Kajian adalah luas merangkumi pelbagai jenis premis (pasar basah, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit), beberapa negeri dan pelbagai *stakeholder* (agensi Kerajaan, premis perniagaan dan pengguna).
- 7.3 Kajian akan melaksanakan penandaarasan model pelaksanaan bagi program seumpamanya di sekitar negara di Asia Tenggara contohnya Indonesia atau Brunei yang bersesuaian dengan kos yang diperuntukkan.
- 7.4 Kajian memerlukan kepakaran dan pengalaman yang luas dalam kajian program-program Kerajaan khususnya dalam bidang teknologi pendigitalan, sosial dan kemasyarakatan. Kepakaran dalam bidang sumber manusia merupakan nilai tambah kepada penilaian perunding.

8. Tempoh Pelaksanaan

- 8.1 Tempoh pelaksanaan kajian adalah selama **12 bulan**. Tempoh pelaksanaan kajian dianggarkan bermula **Oktober 2023** sehingga **Oktober 2024**, tertakluk kepada peruntukan untuk kajian tersebut diperolehi dan pelaksanaan proses-proses perolehan.
- 8.2 Perunding dikehendaki menyediakan perincian jadual pelaksanaan kajian yang meliputi perkara-perkara utama berkaitan kajian yang perlu dipersetujui oleh KPND sebelum kajian dimulakan.

9. Sumber Pembiayaan

- 9.1 Peruntukan Pembangunan (*Development Expenditure* - DE) bagi tahun 2023 di bawah *Rolling Plan* ke-3 (RP3), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

B. OBJEKTIF PELANTIKAN PERUNDING

10. Objektif Pelantikan Perunding

- 10.1 Mengkaji keberkesanan dan kecekapan pelaksanaan Program Pemantauan Harga dan mencadangkan model baharu bagi pelaksanaan program ini yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan perkembangan teknologi pendigitalan.
- 10.2 Menentukan keperluan sumber manusia bagi pelaksanaan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* berdasarkan fungsi dan proses kerja di bawah program.
- 10.3 Melaksanakan penandaarasan bagi program seumpama Program Pemantauan Harga dengan membuat lawatan atau *desktop* kajian bagi satu negara di Asia Tenggara tertakluk kepada kos yang diperuntukkan.
- 10.4 Menyediakan Pelan Tindakan Pelaksanaan Model tersebut dengan mengadakan bengkel/mesyuarat/latihan bersama *stakeholder* berkaitan.
-

11. Penyediaan Rekabentuk Kajian

- 11.1 Melaksanakan reka bentuk kajian yang bersesuaian dengan keperluan dan objektif kajian termasuk meneliti *stakeholder* yang terlibat dengan program, ketersediaan data sekunder seperti dokumen, sistem, data dan skop perunding serta lain-lain yang berkaitan.
- 11.2 Pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang bersesuaian digunakan bagi mendapatkan data, maklumat dan menganalisis isu serta menganalisis data dengan teknik-teknik statistik yang bersesuaian.
- 11.3 Pendekatan dan kaedah statistik yang digunakan perlu dirujuk kepada sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan/atau sumber lain yang boleh diterima pakai.

12. Penyediaan Dokumen

- 12.1 Laporan cadangan Pembangunan Model Baharu Program Pemantauan Harga dan Pelan Tindakan Pelaksanaan Model Baharu Program Pemantauan Harga.
- 12.2 Laporan cadangan Keperluan Sumber Manusia Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*.

13. Pengurusan Kajian

- 13.1 Perunding perlu berurusan dengan *stakeholder* terlibat termasuk Bahagian di Kementerian, KPDN Negeri dan Kementerian/Agensi luar seperti DOSM dengan kerjasama Bahagian Harga Barangan Negara (urus setia kajian).
- 13.2 Kajian perlu dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan dipersetujui oleh KPDN.
- 13.3 Sebarang masalah berkaitan pengurusan kajian perlu dimaklumkan segera kepada urus setia kajian.

C. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

- 14. Bidang perkhidmatan perunding yang diperlukan dalam melaksanakan kajian projek adalah dengan kod bidang (bukan fizikal) seperti berikut:
 - 14.1 340103 : Kajian Ekonomi; dan
 - 14.2 340106 : Kajian Sumber Manusia.
 - 15. Pasukan pelaksana kajian hendaklah terdiri daripada:
 - 15.1 perkhidmatan daripada firma perunding tempatan/antarabangsa berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang-bidang berkaitan bagi melaksanakan kajian ini bagi mencapai objektif kajian; ATAU
-

15.2 pengkaji Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) bertaraf profesional dengan sijil akademik yang bersesuaian dengan kepakaran yang diperlukan seperti ijazah kedoktoran dan sarjana.

16. Perunding bertanggungjawab melaksanakan aktiviti dan menghasilkan output seperti berikut:

16.1 Program Pemantauan Harga

Bil	Aktiviti utama	Output
16.1.1	<p>Mengkaji keberkesanan dan kecekapan Program Pemantauan Harga bagi mencapai objektif program dan memenuhi ekspektasi <i>stakeholder</i>. Kajian akan menilai perkara berikut:</p> <p>a) analisis keperluan <i>stakeholder</i> bagi menentukan keperluan <i>stakeholder</i> (termasuk Agensi Kerajaan lain berkepentingan dengan data Kementerian, Agensi Pusat, pengguna aplikasi <i>PriceCatcher/rakyat</i>);</p>	Laporan analisis tahap Keberkesanan dan kecekapan Program Pemantauan Harga dan cadangan penambahbaikan.

Bil	Aktiviti utama	Output
	<p>b) pematuhan dan penilaian SOP Program Pemantauan Harga;</p> <p>c) kecekapan dan keberkesanan fungsi/proses/aktiviti Program (kutipan data, analisis data dan pelaporan);</p> <p>d) kecekapan sumber (sistem, sumber manusia, peralatan dan sebagainya) bagi pelaksanaan Program;</p> <p>e) keberkesanan output Program yang dihasilkan seperti laporan/analisis data/ bagi mencapai objektif;</p> <p>f) isu/cabaran pelaksanaan Program bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan Program; dan</p> <p>g) cadangan penambahbaikan.</p>	
16.1.2	Mengkaji Model sedia ada Program Pemantauan Harga	Laporan Analisis kesesuaian dan

Bil	Aktiviti utama	Output
	<p>(kutipan secara fizikal menggunakan PPH) dengan mengambil kira perkembangan digital dan polisi Kerajaan. Kajian perlu menilai komponen berikut:</p> <p>a) polisi Kerajaan dari aspek pendigitalan, perolehan perkhidmatan PPH, kewangan dan sebagainya;</p> <p>b) model sedia ada Program Pemantauan Harga:</p> <p>(i) penilaian sumber dan peralatan (sumber manusia, kewangan, peralatan, sistem/ aplikasi) bagi pelaksanaan Program;</p> <p>(ii) penilaian proses iaitu dari fungsi/ tugas/ prosedur/ kategori data/ sistem; dan</p> <p>(iii) penilaian hasil Program - analisis dan pelaporan.</p>	<p>keberkesanan Model Program Pemantauan Harga dan cadangan penambahbaikan.</p>

Bil	Aktiviti utama	Output
	<p>c) peringkat pendigitalan premis perniagaan:</p> <p>(i) tahap pendigitalan peringkat peruncitan berfokus kepada kategori premis;</p> <p>(ii) kerjasama perkongsian data (perincian jenis data, kekerapan, kaedah dan sebagainya) secara berkala manual/ digital; dan</p> <p>(iii) isu/cabaran pelaksanaan perkongsian data secara manual/ digital.</p>	
16.1.3	<p>Melaksanakan Kajian Penandaarasan (<i>Benchmarking</i>) dengan model pemantauan harga atau seumpamanya di negara-negara Asia Tenggara lain (contohnya Indonesia atau Brunei) bagi menilai model terbaik yang bersesuaian bagi</p>	<p>Laporan <i>Benchmarking</i> - Model pelaksanaan di negara lain dan pemilihan model yang boleh digunakan atau <i>customise</i> mengikut keperluan <i>stakeholder/objektif</i>.</p>

Bil	Aktiviti utama	Output
	pelaksanaan Program Pemantauan Harga.	
16.1.4	Menyediakan rumusan berdasarkan hasil kajian bagi perkara 16.1.2 (a, b, c) bagi cadangan model baharu yang lebih <i>sustainable</i> bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Program selaras dengan perkembangan pendigitalan /peruncitan.	Laporan rumusan analisis dan model baharu Program.
16.1.5	Menyediakan Pelan Pelaksanaan Hala Tuju/Model Baharu Program dengan menetapkan: a) model Program; b) objektif; c) perincian model Program seperti dasar/SOP/fungsi/ aktiviti termasuk dari segi kategori data/premis/ mekanisme pemantauan dan sebagainya;	Pelan Tindakan Model Baharu Program.

Bil	Aktiviti utama	Output
	d) perincian tindakan dan tanggungjawab bahagian terlibat; e) <i>timeline</i> pelaksanaan; f) <i>indicator</i> pencapaian; g) isu/cabaran/risiko pelaksanaan; dan h) keperluan peruntukan.	

16.2 Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming*

Bil	Aktiviti utama	Output
16.2.1	Mengkaji keperluan sumber manusia Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan <i>Community Drumming</i> dengan mengenalpasti: a) keberkesanan dan kecekapan fungsi dan proses kerja (ibu pejabat dan negeri) selaras dengan SOP Program yang berkuatkuasa;	Cadangan penambahbaikan fungsi/ proses kerja dan keperluan sumber manusia bagi pelaksanaan Program.

Bil	Aktiviti utama	Output
	<p>b) mengkaji beban tugas dan akauntabiliti fungsi/tugas;</p> <p>c) cadangan penambahbaikan proses dan fungsi kerja selaras dengan perkembangan pendigitalan; dan</p> <p>d) cadangan keperluan sumber manusia bagi pelaksanaan program ini.</p>	

17. Metodologi Kajian

17.1 Perunding bertanggungjawab mencadangkan pendekatan dan metodologi bagi menghasilkan output yang ditetapkan termasuk carta organisasi, pasukan kajian, peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan serta jadual pelaksanaan.

17.2 Perunding perlu mencadangkan metodologi kajian yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian. Kajian boleh dijalankan melalui pengumpulan data primer dan sekunder. Metodologi kajian juga boleh bersifat campuran (*mixed mode*) iaitu kualitatif dan kuantitatif, seperti soal selidik, temu bual, *Focus*

Group Discussion (FGD), bengkel/mesyuarat dan sebagainya berdasarkan kesesuaian dan keperluan.

17.3 Cadangan metodologi kajian perlu dibentangkan kepada Kementerian bagi kelulusan. Sebarang perubahan metodologi dalam tempoh kajian perlu dibentangkan semula kepada Kementerian. Perunding perlu melantik pasukan kajian yang mempunyai kelayakan dan kepakaran yang bersesuaian bagi menjamin kualiti kajian termasuk carta organisasi, pasukan kajian, peranan dan tanggungjawab setiap ahli pasukan serta jadual pelaksanaan kajian.

18. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

18.1 Penetapan tempoh perkhidmatan perunding adalah selama 12 bulan. Perunding dikehendaki untuk menyediakan jadual pelaksanaan kajian yang perlu dipersetujui oleh pihak KPDN serta menyerahkan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan.

18.2 Perunding dikehendaki menyatakan penerimaan pelantikan melalui Surat Setuju Terima (SST) dalam masa **14 hari** dari tarikh SST dikeluarkan kepada perunding.

19. KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

19.1 Kos perkhidmatan perunding adalah terdiri daripada yuran perunding dan kos imbuhan balik yang mana pengiraan adalah menggunakan kaedah input-masa (*man-month*). Kos-kos yang

terlibat adalah merujuk dan berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan PK3.2 – Kos Perkhidmatan Perunding.**

19.2 Kaedah Perkiraan Yuran Perkhidmatan Perunding

Pengiraan yuran perunding mengikut kaedah Input Masa adalah menggunakan formula berikut:

$$\text{Yuran Perunding (YP)} = \text{Gaji Pokok (GP)} \times \text{Faktor Pengganda (FP)} \times \text{Input Masa (IM)}$$

19.2.1 Gaji Pokok (GP)

GP merangkumi gaji asas bulanan yang dibayar kepada setiap kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas perunding. GP hendaklah tidak termasuk apa-apa elaun serta lain-lain bayaran kepada kakitangan perunding.

19.2.2 Faktor Pengganda (FP)

FP yang digunakan oleh perunding adalah terdiri daripada komponen-komponen dan hendaklah tidak melebihi pekali yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

19.2.3 Input Masa (IM)

IM adalah tempoh/jangka masa yang diperlukan bagi menyempurnakan sesuatu projek atau kajian.

19.3 Yuran Perkhidmatan Perunding

Yuran perkhidmatan perunding hendaklah menggunakan formula dan kaedah pengiraan secara input masa. Memandangkan tempoh kajian ditetapkan selama 12 bulan, input masa bagi pengiraan

yuran perkhidmatan perunding hendaklah dinyatakan di dalam bentuk '*man-month*'.

19.4 Kos Imbuan Balik (IB)

Kos IB adalah lain-lain perbelanjaan (selain daripada yuran perunding) yang dibuat oleh perunding mengikut keperluan sesuatu projek/kajian. Kos IB adalah merupakan perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh pihak perunding tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 19.4.1 butiran dan kadar bayaran kos IB hendaklah berpatutan dan tuntutan hendaklah dikemukakan dengan resit/bil serta tidak melebihi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan;
- 19.4.2 bagi bayaran kos IB tanpa resit selain daripada kos IB secara pukal (*lump sum*) yang dibenarkan hendaklah mendapat kebenaran dan pengesahan pihak KPDN;
- 19.4.3 dokumen bagi setiap peringkat kemajuan projek hendaklah disediakan seperti yang dinyatakan di dalam perkara 20 – *Deliverables* (output yang dihasilkan). Bagi salinan dokumen yang telah dibuat dan diberikan kepada pihak lain tanpa arahan KPDN, tuntutan tersebut tidak akan dibayar oleh Kerajaan;
- 19.4.4 segala resit tuntutan IB hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas laporan bagi setiap

peringkat kemajuan kajian yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa untuk kelulusan;

19.4.5 segala tuntutan IB yang melebihi tempoh masa yang telah dipersetujui (*cut off date*) tidak akan dibayar. Sebarang rayuan daripada pihak perunding tidak akan dipertimbangkan; dan

19.4.6 item - item imbuhan balik yang dibenarkan bagi kajian ini adalah terhad dan hendaklah dibuat berdasarkan bil sebenar, tertakluk dengan syarat tidak bercanggah dengan item dan had nilai yang dibenarkan serta perincian item di bawah Kos Imbuhan Balik yang telah dipersetujui.

19.5 **Bayaran Yuran Perunding (YP dan IB) Mengikut Peringkat Kemajuan Kerja**

Bayaran yuran perunding iaitu YP dan tuntutan IB adalah mengikut peringkat kemajuan kajian tertakluk kepada laporan yang dikemukakan oleh firma perunding disetuju terima dan diluluskan oleh Jawatankuasa di peringkat KPDN. Peratus pembayaran mengikut peringkat kemajuan kajian adalah seperti di perkara 21.2.

20. **DELIVERABLES (OUTPUT YANG DIHASILKAN)**

Perunding dikehendaki mengemukakan laporan-laporan seperti berikut kepada KPDN:

- 20.1 **Draf Laporan dan Laporan (Awal) Insepsi** yang mengandungi cadangan rangka kerja (*framework*) kajian sebelum kajian dilaksanakan termasuk dokumen/soalan kaji selidik, butir-butir terperinci berkaitan pendekatan kajian, termasuk jadual kajian, batasan kajian yang dijangka, kos kajian dan hal-hal lain yang perlu diperjelaskan, sebanyak **10 salinan *hardcopy* serta salinan *softcopy* dalam bentuk *pendrive* termasuk slaid pembentangan.**
- 20.2 **Laporan Interim** yang mengandungi penemuan permulaan (*preliminary findings*) kajian, sebanyak **10 salinan *hardcopy* serta salinan *softcopy* dalam bentuk *pendrive* termasuk slaid pembentangan.**
- 20.3 **Draf Laporan dan Laporan Akhir serta Ringkasan Eksekutif** yang mengandungi semua pindaan selepas menerima ulasan dan cadangan penambahbaikan daripada Kerajaan. Draf Laporan Akhir dan Laporan Akhir termasuk Ringkasan Eksekutif masing-masing sebanyak **sebanyak 10 dan 30 salinan *hardcopy* serta salinan *softcopy* dalam bentuk *pendrive* termasuk slaid pembentangan.** Laporan ini hendaklah mengandungi infografik merangkumi jadual, graf, carta, gambar rajah, gambar foto dan lain-lain yang sesuai/menarik.
- 20.4 Perunding perlu melaporkan hasil kajian kepada apa-apa jawatankuasa yang ditetapkan oleh KPDN, contohnya Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu.
-

21. KOS KAJIAN DAN PERINGKAT KERJA/PEMBAYARAN

21.1 Pembangunan model baharu Program Pemantauan Harga atau kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan pembangunan RMKe-12.

21.2 Peratus bayaran bagi perkhidmatan yuran profesional adalah mengikut kemajuan kerja (*work progress*) dan tertakluk kepada jadual penyerahan hasil kajian yang akan dipersetujui seperti berikut:

LAPORAN	JUMLAH (%)	JANGKAAN TARIKH SERAHAN
Draf dan Laporan Awal/ Insepsi	30%	Januari 2024
Laporan Interim	30%	April 2024
Draf Laporan Akhir	20%	Julai 2024
Laporan Akhir, Ringkasan Eksekutif dan Peta Sosial	20%	September 2024

**Nota: bayaran pendahuluan untuk kajian ini adalah tidak dibenarkan.*

22. HAK EKSKLUSIF

22.1 Semua data maklumat, laporan, pelan dan segala bahan yang dikumpulkan untuk kajian ini sama ada bahan cetak atau digital hendaklah digunakan untuk kajian ini semata-mata dan semuanya perlu diserahkan kepada KPDN berserta hasil kajian yang

dikemukakan oleh pihak yang dilantik akan kekal menjadi hak milik Kerajaan Malaysia. Perunding hanya diberi hak untuk melaksanakan kajian sahaja.

22.2 Perunding perlu menjaga, mengawas dan mengawal semua rahsia Kerajaan selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.

23. PERJANJIAN

Pihak Kerajaan akan mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) kepada perunding berdasarkan cadangan teknikal serta cadangan kos yang dipersetujui. SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan syarikat sehingga Dokumen Perjanjian rasmi (kontrak) dimeterai oleh kedua-dua pihak.

24. BAHASA YANG DIGUNAPAKAI

Semua dokumen dan surat-menyurat yang perlu disediakan oleh perunding adalah dalam Bahasa Malaysia.

25. PENUTUP

Laporan dan penilaian yang disediakan kelak oleh perunding akan dapat menghasilkan cadangan serta panduan kepada Kementerian dalam memastikan keberkesanan program-program yang dikaji serta perancangan dan penggunaan sumber yang optimum dalam pelaksanaan Program

Pemantauan Harga dan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* dengan lebih komprehensif, efektif dan efisien serta menepati kehendak semua pihak yang berkepentingan, terutamanya KPDN.

Disediakan Oleh:

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup**